

23/11/1997

Majlis Pengguna Umno Melaka sokong Dr M

MELAKA: Majlis Pengguna Umno bahagian Kota Melaka menyokong penuh kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menghadapi usul 34 ahli Kongres Amerika Syarikat yang mahu Perdana Menteri meminta maaf atau meletakkan jawatan kerana didakwa menyatakan wujud konspirasi Yahudi dan spekulasi mata wang di rantau Asia Tenggara.

Pengerusinya, Naim Mohamad, berkata ikrar menyokong kepemimpinan Dr Mahathir diluluskan dalam mesyuarat Majlis Pengguna yang turut dihadiri 28 cawangan Umno dalam bahagian Kota Melaka di sini, malam semalam.

Cawangan Umno itu ialah Air Leleh, Alai, Bukit China, Bukit Serindit, Bakar Batu, Ujong Pasir Pantai, Kampung Morten, Kandang, Mata Kuching, Pengkalan Rema Pantai, Pengkalan Rama Tengah, Padang Temu, Pangkalan Renggam dan Permatang Pasir.

Cawangan lain yang turut menyokong usul itu ialah Semabok, Tengker, Tambak Sebelong, Taman Melayu Jaya, Banda Kaba, Kampung Lapan Lorong Pandan, Kampung Sembilan Tengker, Bukit Tempurong, Duyong, Jambatan Duyong, Telok Mas, Pernu, Solok Tambak dan Balai Panjang.

Katanya, ikrar menyokong Dr Mahathir ini dihantar semalam bagi menunjukkan rakyat yang bertanggungjawab memilih pemimpin mahu bersama-sama mempertahankan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka serta berdaulat.

Berikutan itu, tegasnya, mesyuarat berkenaan turut menyokong penuh usul percaya kepada Dr Mahathir yang diluluskan Dewan Rakyat selepas dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Rabu lalu.

(END)